

Bersatu perjasas kepentingan sains, teknologi demi kekuatan Islam

UM 17 JUL 2003

PUTRAJAYA 10 Julai — Ulama di seluruh dunia diminta bersatu menjelaskan kepentingan fardu kifayah yang perlu dikuasai termasuk mendalami ilmu sains dan teknologi untuk kesejahteraan dan kekuatan umat Islam.

Peserta-peserta Multaqa Ulama Sedunia ketika ditemui berkata, ini kerana antara punca umat Islam mundur serta dihina hari ini adalah disebabkan terdapat golongan ulama memberikan tafsiran berbeza mengenai Islam termasuk hanya memberi tumpuan kepada fardu ain sehingga menyebabkan umat berpecah-belah dan lemah.

Mereka berkata, peranan ulama itu perlu diberi perhatian serius sebagaimana yang ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan pembukaah persidangan tersebut di sini pagi ini.

Ulama dari Syria, Sheikh Ihsan Baadarani berkata, ulama perlu menerangkan kepada umat Islam bahawa kedudukan fardu kifayah iaitu mendalami ilmu keduniaan menjadi teralalu hampir kepada fardu ain.

"Umat Islam perlu menguasai ilmu ekonomi, sains, teknologi, matematik dan pelbagai lagi ilmu keduniaan kerana ia seolah-olah hampir menjadi fardu ain disebabkan umat sekarang ini perlukan banyak kesempurnaan agar tidak ditundukkan oleh musuhnya," katanya di lobi hotel J.W. Marriot di sini hari ini.

Beliau mengulas ucapan Dr. Mahathir ketika membuka Multaqa Ulama Sedunia yang antara lain menyatakan bahawa ulama adalah golongan yang paling berpengaruh serta berkeunavaan mengubah pemikiran umat dan memberikan panduan menghadapi masalah dunia Islam.

Peserta dari Pakistan, Khalil Ur Rehman Khan berkata, ulama perlu memberi tafsiran baru yang bersesuaian dengan keadaan semasa dan menjadi jambatan penghubung di antara pemerintah dan rakyat.

Ummah perlu dilengkapi dengan ilmu secara progresif dan ulama tidak boleh memberi motivasi terhadap hal-hal yang berkaitan ibadah sahaja, katanya.

Justeru, beliau berkata, ucapan Dr. Mahathir itu bertepatan dengan keadaan umat waktu ini yang perlu kembali kepada ajaran Islam sebenar iaitu addin untuk sepanjang zaman.

Peserta lain, Abdul Kader Sasaki dari Jepun berkata, beliau bersetuju dengan mesej yang disampaikan oleh Perdana Menteri iaitu umat Islam perlu memberi tumpuan kepada usaha menguasai ilmu untuk kekuatan menghadapi musuh.

"Ulama yang mempelajari al-Quran dan hadis perlu menerangkan betapa pentingnya menguasai teknologi dan ilmu lain sebagai memenuhi tuntutan fardu kifayah," katanya.

Peserta dari New Zealand, Mohammad Amir berkata, walaupun golongan ulama mempunyai perbezaan pendapat tertentu, keadaan itu tidak boleh dijadikan penghalang kepada usaha untuk membangunkan dan menyatupadukan ummah.

"Mereka harus menganggap perbezaan itu sebagai masalah tetapi perlu mencari titik pertemuan persamaan. Dalam pada masa

yang sama tumpuan umat ini perlu diberikan kepada memenuhi tuntutan fardu kifayah untuk keseluruhan umat," katanya.

Peserta lain, Ahmed Versi dari Britain berkata, kebanyakan umat Islam yang menguasai ilmu seperti sains dan teknologi kini memilih untuk berpindah ke negara Barat kerana mahukan persekitaran yang lebih baik.

Katanya, ini disebabkan negara asal masing-masing tidak stabil selain suasana yang tidak menggalakkan untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan mereka

"Ini satu kerugian kepada dunia Islam. Oleh itu negara-negara Islam perlu mewujudkan suasana yang kondusif untuk kemajuan dan pembangunan ilmu di negara masing-masing," katanya.

Peserta dari Sudan, Alsir Hassan Fadl berkata, ucapan Dr. Mahathir menventuk hampir semua isu penting yang menghantui dunia Islam pada waktu ini dan para ulama perlu memberikan maklum balas kepada persoalan yang ditimbulkan.

Duta Besar Ireland ke Malaysia Daniel Mulhall berkata beliau kagum dengan ucapan perasmian Dr. Mahathir yang menekankan mengenai pentingnya agama dan sains.

"Ia adalah analisis yang menarik; beliau menekankan pentingnya agama, sekular dan pengetahuan sains... tidak ada jurang antaranya dan anda tidak boleh menabaikan mana-mana satu daripadanya," katanya.

Sementara itu, Presiden Pergerakan Antarabangsa Just World Dr. Chandra Muzaffar berkata ucapan Dr. Mahathir mengenai perlunya percaya kepada Tuhan sangat penting.

"Beliau (Dr. Mahathir) menjelaskan mengenai pendekatan saintifik ada hadnya. Ia hanya menjelaskan mengenai bagaimana dan bukan mengapa. Itu adalah fakta penting," kata Dr. Chandra.

Peserta Iran, Sayyed Hassan Rabbani berkata ulama mesti mengambil langkah aktif ke arah menyelesaikan isu-isu Islam dengan mengemukakan perancangan dan langkah-langkah praktikal.

Penolong profesor Jabatan Fiqah dan Usul Al-Fiah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) Dr. Yunus Soualhi berkata ulama, yang merupakan orang yang paling berpengaruh di kalangan umat, mampu mengubah umat Islam.

"Orang Islam sangat lemah untuk membantu sesama sendiri dan negara Islam mudah

diserang, dan kita tidak dapat lakukan apa-apa mengenainya. Kami harap ulama boleh memandu umat untuk mengembalikan kegemilangan Islam yang lepas."

Prof. Dr. Ala'eddin Kharofa, seorang profesor di Institut Pemikiran Islam dan Tamadun Antarabangsa (Istac), berkata kenyataan Dr. Mahathir bahawa nasib umat Islam hari ini adalah akibat daripada perbuatan mereka sendiri, termasuk kegagalan mereka untuk mengamalkan ajaran sebenar Islam.

"Ini kerana jika sesiapa menggunakan Islam mengikut cara bukan Islam, ia tidak akan merosakkannya tetapi ummah keseluruhannya."

Pengarah sebuah universiti Islam swasta di Sri Lanka, Jamia Naleemia Islamiyya, Dr. M.A.M., Shukri berkata Perdana Menteri berterus-terang ketika bercakap mengenai situasi dunia Islam kontemporari.

Seorang lagi Fellow ISTAC, Muhammad Uthman El-Muhammady berkata ucapan Dr. Mahathir bertumpu kepada masalah asas yang dihadapi ummah dalam dunia unipolar.

Beliau berkata gesaan Dr. Mahathir supaya umat Islam menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi adalah selaras dengan ajaran Islam.

Pengetahuan dalam bidang teknologi akan membolehkan umat Islam mempertahankan diri sendiri selain menakutkan musuh-musuh Islam, katanya.